

# Lima kolej komuniti baharu dibina

→ Beri lebih banyak peluang pembelajaran kemahiran TVET

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Pendidikan Tinggi meluluskan pembinaan lima kolej komuniti baharu dalam usaha membuka lebih banyak peluang pembelajaran kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata lima kolej komuniti

itu akan dibina di Bachok, Kelantan; Keningau dan Tuaran, Sabah; Kuala Selangor, Selangor dan Dungun di Terengganu.

"Pembinaan lima kolej komuniti baharu ini selaras dengan hasrat kerajaan membuka peluang dan akses kepada pendidikan TVET untuk masyarakat setempat serta peluang bagi pembelajaran sepanjang hayat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

## Kebolehpasaran graduan

Idris berkata, kebolehpasaran graduan kolej komuniti mencatat kadar 97.2 peratus berbanding 91.2



Idris Jusoh

peratus pada 2013, iaitu peningkatan enam peratus.

"Ini bukti kemajuan pendidikan kemahiran yang ditawarkan di kolej komuniti seiring dengan agenda TVET yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini.

"Penawaran kursus berasaskan Revolusi Industri 4.0 (4IR) di kolej komuniti amat sesuai dengan strategi bagi menarik pelabur asing datang ke Malaysia dan ini akan membantu meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan kolej komuniti dari semasa ke semasa," katanya.